

Headline	SPG diiktiraf sebagai Pembiayaan Projek Terbaik 2017		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	67
ArticleSize	110 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,000		



### Kuala Lumpur

## SPG diiktiraf sebagai Pembiayaan Projek Terbaik 2017

Southern Power Generation Sdn Bhd (SPG), anak syarikat 51 peratus milik Tenaga Nasional Bhd (TNB) diiktiraf sebagai Pembiayaan Projek Terbaik 2017 pada Majlis Anugerah Jadual Liga Pengurus Utama MARC 2017 di sini, baru-baru ini.

TNB dalam kenyataan berkata, pengiktirafan oleh Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC) itu berdasarkan pencapaian SPG menerbitkan Sukuk Wakalah bernilai RM3.7 billion pada Oktober tahun lepas.

Sukuk Wakalah itu yang diberi penarafan AA-IS/Stabil oleh MARC adalah bagi membiayai pembangunan Projek Turbon Gas Kitaran Gabungan (CCGT) Trek 4A dengan kapasiti 1,440 megawatt (MW) di Pasir

Gudang, Johor.

SPG, sebuah syarikat khas yang ditubuhkan untuk pembangunan projek CCGT berkenaan adalah usaha sama antara TNB dan SIPP Energy Sdn Bhd yang memiliki 49 peratus baki kepentingan dalam SPG.

Projek bernilai kira-kira RM4.6 billion itu dibiayai menerusi gabungan kewangan projek serta ekuiti dan dijangka memulakan operasi komersial berjadual pada 1 Julai 2020.

Loji janakuasa yang kini dalam peringkat awal pembinaan di Zon Perindustrian Pasir Gudang itu akan mengukuhkan keupayaan TNB memberikan bekalan elektrik berdaya harap dan stabil menerusi Grid Nasional.